



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI MOHD KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULAN MAC KEMENTERIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SAMBUTAN HARI
KEBAHAGIAAN SEDUNIA TAHUN 2019**

**DATARAN TLK PLANMalaysia
JALAN CENDERASARI, KUALA LUMPUR**

20 MAC 2019 (RABU)

JAM 9.00 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam sejahtera**

ALUAN

**Yang saya muliakan, Saudara/Saudari
Pengacara Majlis,**

**YB Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh
Timbalan Menteri KWP**

**YBhg.Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji
Kasim
Ketua Setiausaha, KWP**

**YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar
Tim. Ketua Setiausaha Pengurusan &
Sosioekonomi, KWP**

**YBhg. Dato' Siti Fatimah binti Daud
Tim. Ketua Setiausaha Perancangan &
Pembangunan, KWP**

**YBhg Dato' Tpr Hjh. Rokibah binti Abdul Latif
KP PLANMalaysia sebagai tuan rumah kepada
Sambutan Perhimpunan Bulanan KWP**

**Ketua-ketua Jabatan dan Setiausaha Bahagian
KWP,**

**YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan
puan-puan yang saya hormati sekalian.**

PENDAHULUAN

- 1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya pada pagi ini kita dapat bersama-sama berhimpun di Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi Bulan Mac 2019.**

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih dan tahniah kepada PLANMalaysia yang menjadi urusetia kepada Majlis Perhimpunan Kementerian pada bulan Mac. Tidak lupa juga kepada semua warga Kementerian, Jabatan dan Agensi yang dapat melapangkan masa untuk hadir ke sesi perhimpunan ini.
3. Saya difahamkan bahawa perhimpunan kali ini sepatutnya dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya tetapi pihak PLANMalaysia memohon supaya menjadi tuan rumah supaya ianya disambut bersekali bersama-sama Hari Kebahagiaan Sedunia (*World Happiness Day*) tahun 2019 yang disambut setiap 20 Mac iaitu pada hari ini.

TEMA PERHIMPUNAN

4. Justeru pada hari ini PLANMalaysia telah membawakan tema Perhimpunan Bulan Mac ini dengan ‘Warna Warni Kebahagiaan’ yang mana ianya selari dengan Sambutan *International Day of Happiness* 2019.

LATAR BELAKANG *INTERNATIONAL DAY OF HAPPINESS*

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

5. Sambutan *International Day of Happiness*, telah diasaskan oleh Penasihat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu Jayme Illien pada 28 Jun 2012 apabila kesemua 193 negara anggota Perhimpunan Agung PBB sebulat suara menerima pakai resolusi PBB 66/281: *International Day of Happiness* yang

dibentangkan oleh Setiausaha Agung PBB,
Ban Ki Moon pada 12 Julai 2012.

6. *International Day of Happiness* mengiktiraf perkaitan di antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat selaras dengan matlamat PBB untuk mewujudkan keamanan dan kesejahteraan melalui aspirasi universal dalam kehidupan manusia di seluruh dunia.
7. Oleh itu, adalah bertepatan bagi warga KWP dan juga PLANMalaysia khususnya menyambut Hari Kebahagiaan 2019 pada hari ini sebagai satu sambutan di peringkat kebangsaan walaupun dengan sambutan kecil-kecilan. Mungkin pada masa hadapan, sambutan ini dapat disambut secara besar-

besaran di bawah naungan KWP di peringkat kebangsaan.

KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM INDEKS KEBAHAGIAAN DUNIA

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

- 8. Jika kita kaitkan perihal kebahagiaan dengan tanggungjawab kita sebagai penjawat awam yang bekerja selama 9 jam sehari di pejabat, rasanya kita semua perlu menjaga dan memelihara dua jenis hubungan kekeluargaan iaitu pertama adalah keluarga iaitu bersama suami/isteri/anak-anak dan keduanya keluarga atau rakan sejawat dalam konteks tempat bekerja/ pejabat.**

9. Hubungan kekeluargaan yang baik merupakan asas kepada kebahagiaan sama ada kebahagiaan di rumah atau di pejabat. Oleh yang demikian, suka saya melihat bahawa kita di Kementerian ini merupakan satu keluarga besar yang bersama-sama bertanggungjawab menjadikan Kementerian sebagai sebuah organisasi unggul yang berprestasi tinggi serta berorientasikan produk demi kesejahteraan rakyat.

10. Menurut sumber *World Happiness Report* pada tahun 2018, yang diterbitkan oleh *United Nations Sustainable Development Solution Network (SDSN)* dengan kerjasama *Ernesto Illy Foundation*, Malaysia telah diiktiraf sebagai Negara ke-35 dengan indeks 6.322 paling bahagia di dunia berbanding dengan 156 negara yang

menyertainya. Finland menduduki di tangga teratas dengan indeks kebahagiaan 7.632. Namun begitu, Malaysia menduduki tangga kedua selepas Singapura dalam Indeks Kebahagiaan Peringkat Asia Tenggara 2018 diikuti Thailand di tangga yang ke-3. Enam (6) aspek utama yang diukur dan diambilkira dalam menentukan Indeks Kebahagiaan Dunia iaitu pendapatan KDNK perkapita, kebebasan, sokongan sosial, jangka hayat yang sihat, murah hati(generosity) dan tiada rasuah.

11. Sehubungan itu, Saya berharap kita semua dapat memainkan peranan besar dalam memastikan kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat sentiasa diberi keutamaan terutamanya dalam merancang serta melaksanakan program dan projek pembangunan. Perancangan dan

pembangunan yang kita jalankan seperti perumahan, taman awam dan kawasan rekreasi, pengurusan sisa pepejal, pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain tugas Kementerian akan menjadi tunjang untuk mewujudkan kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat.

PERANAN KEMENTERIAN DAN AGENSI DI BAWAHNYA

Enam Teras Kementerian Wilayah Persekutuan

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

12. Pada perhimpunan *Townhall* KWP pada 28 Januari yang lepas, saya telah mengumumkan enam (6) teras utama Kementerian iaitu meliputi Wilayah Bersih, Keselamatan Awam, Pengangkutan yang

Efisiensi, Sosioekonomi Mampan, Persekitaran Hijau dan Komuniti Inklusif. Keenam-enam teras ini akan menjadi panduan kepada perancangan dan pengurusan Kementerian Wilayah Persekutuan serta Agensi dalam merencanakan setiap program / perkhidmatan / produk yang dilaksanakan untuk rakyat seiring tema “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi”

13. Sehubungan itu, untuk menjayakan teras-teras tersebut, KWP telah menetapkan KPI secara tahunan yang perlu dicapai oleh Kementerian dan diterjemahkan pelaksanaannya oleh Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) serta Ketua-ketua Agensi dan Bahagian.

14. Kementerian sangat mengambil berat dan komited alam mencapai KPI yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, dalam Teras 1 iaitu Pembangunan Wilayah yang inklusif, Kementerian komited untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan perbandaran dan pembangunan fizikal wilayah persekutuan untuk kemampunan persekitaran. Seperti umum mengetahui, baru-baru ini saya telah melancarkan laluan baru bagi Bas Go KL, menunjukkan bahawa pengangkutan awam yang efisien antara fokus utama kementerian dan semasa ke semasa, kita akan mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam.

15. Kementerian juga komited dalam memastikan kemampunan alam sekitar bandar. Pembangunan persekitaran yang kondusif akan dilaksanakan bagi

meningkatkan akses penduduk bandar kepada kemudahan rekreasi dan Kementerian sedang dalam usaha untuk merencanakan pembangunan taman awam yang berskala besar. Saya juga menekankan berkaitan bandaraya rendah karbon. Oleh itu, kementerian juga dalam usaha untuk membangunkan Garis Panduan Perancangan Bandar Rendah Karbon dan akan melaksanakan Inisiatif Pembangunan Kejiraninan Hijau serta memperkasakan lagi Program Biodegradasi.

16. Oleh itu, adalah menjadi harapan saya agar KPI ini diberi perhatian kerana ianya akan menjadi faktor penentu kepada pelaksanaan teras-teras yang telah digariskan oleh Kementerian.

PRODUK DAN PROGRAM PLANMALAYSIA

17. Berdasarkan kepada ucapan YBhg. Dato' Ketua Pengarah PLANMalaysia sebentar tadi, melalui Aplikasi Jaringan Penunjuk Mampan Luar Bandar Malaysia atau lebih dikenali sebagai MURNInets yang digunakan bagi mengukur kemampuan bandar-bandar di Malaysia, PLANMalaysia telah berjaya mengklasifikasi Bandar-bandar atau Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia di mana hasil kajian tersebut menunjukkan kebanyakannya telah mencapai 80% dan ke atas peratus kebahagiaan.

18. Saya difahamkan bahawa Aplikasi ini telah dilaksanakan sejak 2012 lagi di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah memberi input data indikator-indikator yang

ditetapkan secara berkala setiap tahun untuk dijadikan satu pengukuran kepada indeks kemampanan, indeks kebahagiaan dan lain-lain lagi untuk menonjolkan pelaksanaan perancangan dan pembangunan yang dilaksanakan.

19. Oleh itu, saya berharap agar Pihak Berkuasa di bawah KWP iaitu di DBKL, Putrajaya, Labuan khususnya dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Semenanjung Malaysia dapat ditonjolkan dengan indeks-indeks tertentu supaya dapat dikenali di mata dunia. Sebagai contohnya baru-baru ini Bandaraya Kuala Lumpur telah mendapat pengiktirafan antara sepuluh (10) bandar di Asia dalam konteks ‘*Quality of Life*’. Begitu juga pengiktirafan Taiping yang telah menerima Anugerah *3rd Most Sustainable City in the World* di Berlin.

20. Oleh itu, bermula dari tahun ini sempena sambutan *International Day of Happiness* pada hari ini, ada baiknya KWP bersama PLANMalaysia dapat memikirkan perancangan yang lebih besar untuk mewujudkan satu penganugerahan khas kepada PBT yang memberikan kualiti perkhidmatan ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan penduduk secara tahunan selain Program Hari Perancangan Bandar Sedunia. Hal ini disebabkan perkhidmatan dan perancangan pembangunan yang kita laksanakan dapat memberi implikasi besar bukan sahaja kepada kesejahteraan hidup rakyat tetapi juga penyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara.

21. Suka saya menarik perhatian terhadap penyertaan Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah kelolaan

PLANMalaysia semasa Malaysia Urban Forum 2019 (MUF) yang telah berlangsung pada 18 dan 19 Februari yang lepas, di mana kejayaan utama yang dapat kita lihat adalah penyertaan dan semangat penyatuan Kementerian dan Agensi seperti PLANMalaysia, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan juga Jabatan Landskap Negara dalam gerak kerja mempromosi serta menyebarluas kesemua peranan Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi ke arah proses perbandaran yang mampan dan mengutamakan kesejahteraan rakyat seperti yang telah digariskan oleh kementerian. Saya merasa bangga di atas kejayaan ini dan masih belum terlambat untuk saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung maupun tidak

langsung dalam menjayakan pameran tersebut. Semoga kerjasama seumpama ini diteruskan pada masa-masa yang akan datang.

ISU-ISU SEMASA

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

22. Akhir-akhir ini pelbagai rungutan, komen, laporan dan berita tentang isu-isu ketidakpuasan hati rakyat terhadap sistem penyampaian, kesan terhadap sesuatu keputusan atau kesan pembangunan telah dibangkitkan. Ini tidak termasuk di dalam media sosial dan juga berita-berita di surat khabar, televisyen dan sebagainya.

23. Sebagai penjawat awam, saya menyeru supaya KWP dan Agensi-agensi yang

terlibat dapat melayani rakyat dengan penuh berhemah. Ini temasuk juga dalam memberikan perkhidmatan mengikut sasaran atau piagam yang telah ditetapkan. Di dalam hal yang lain pula, kita hendaklah sentiasa bersedia memberikan maklumat-maklumat yang sah dan lengkap terhadap apa-apa isu atau perkara yang dibangkitkan oleh rakyat.

24. Memberikan maklumat atau data terhadap sesuatu perkara adalah amat penting agar rakyat tahu dan dapat menilai segala perancangan dan pelaksanaan oleh KWP dan Agensi. Saya difahamkan PLANMalaysia telah menerbitkan Kompendium yang mengandungi maklumat-maklumat asas terhadap sesuatu perkara atau hasil daripada pembangunan untuk disebarluaskan kepada rakyat. Perkara ini

perlulah diperkasakan sebagai medium untuk promosi atau pemberitahuan kepada rakyat.

PENUTUP

- 25. Saya juga menyeru kepada warga KWP dan Agensi untuk memahami tema Kebahagiaan dan Keceriaan pada hari ini supaya kita sentiasa seronok, bertenaga dan terbuka di dalam melaksanakan tugas.**
- 26. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia yang telah menjadi hos Perhimpunan KWP pada bulan ini. Sesungguhnya saya berharap kita di segenap lapisan pegawai di Kementerian dan Agensi akan sentiasa menjaga kesihatan masing-masing dan bekerja dalam suasana yang ‘*Happy*’ dan dapat memberikan kerjasama yang baik dalam**

menjayakan program-program yang telah dirancang di peringkat atasan supaya Kementerian dapat mencapai KPI dan pada masa yang sama rakyat dapat menikmati apa yang telah kita laksanakan tersebut.

Dengan itu saya akhiri dengan wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.